

# Amalan 'Earth Hour' jamin kesejahteraan hidup

26/3/2011 UB B6

Oleh YAP SIONG HAN  
sionghan\_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: Dalam kesibukan negara-negara di dunia ini membangun dengan pesat, masyarakat tidak sedar bahawa penggunaan tenaga oleh sesebuah negara adalah sangat tinggi sehingga ada yang sanggup mengadai keindahan alam marin serta flora dan fauna.

Kempen seperti 'Earth Hour' yang dimulakan sejak lima tahun lepas di Sydney, Australia mendapat sambutan di seluruh dunia namun ia masih tidak memadai untuk melindungi bumi kita dari dibinaskan melalui perubahan iklim, pencemaran, kerosakan alam marin, eko sistem dan alam flora.

Kesedaran mengenai kempen ini mempunyai maksud yang tersirat dan penting di mana penggunaan tenaga dalam jumlah besar dan berterusan akan membawa kesan negatif terhadap lapisan ozon bumi sekaligus akan mendatangkan masalah kesihatan kepada manusia.

Kempen Kesedaran



SOFIA

TARMIZI

RAHIM



SIMBOLIK...Ridzwan meletakkan tangan di kain rentang menandakan rasminya majlis tersebut.

"Kesedaran mampu diwujudkan di kalangan pelajar mengenai kepentingan memelihara alam sekitar, eko-sistem, perubahan iklim, kesan negatif kegiatan manusia terhadap alam sekitar dan alam marin," kata Pengarah IPMB, Prof Dr Ridzwan Abdul Rahman ketika merasmikan Kempen Kesedaran Perubahan Cuaca dan Program 'Earth Hour'.

Pelajar tahun dua Sains Marin, Mohd Tarmizi Mahamud berkata tahap kesedaran mahasiswa mengenai isu ini adalah tinggi sebab sejak lima tahun lepas setiap malam pada 26 Mac mahasiswa akan memadamkan lampu dari jam 8.30 hingga 9.30 malam di kolej kediaman masing-

masing.

Beliau berharap pelajar sekolah menengah yang menyertai program ini dapat mempelajari sesuatu daripada program ini dan sebarkan pengetahuan ini kepada kawan mereka di sekolah kerana ramai di kalangan pelajar masih tidak sedar akan kepentingan 'Earth Hour'.

tahun tapi pengetahuan mengenainya masih belum cukup yang mana mereka di sekolah masih tidak sedar akan kemusnahan yang terjadi akibat pemanasan global.

"Saya berharap program ini dapat didedahkan kepada pelajar yang masih di peringkat tingkatan satu atau sekolah rendah kerana meluntur buluh biarlah dari rebungnya," katanya.

Azmain berharap penglibatan orang ramai mengenai program ini dapat ditingkatkan agar pengetahuan mengenai 'Earth Hour' dapat diperluaskan kerana ada di kalangan masyarakat masih tidak tahu mengenainya.

Sehubungan itu, Timbalan Presiden Persatuan KK Reef Watch, Sofia Johari berkata cabaran kepada hidupan marin sekarang adalah orang ramai masih tidak mengetahui tiada kesedaran mengenai masalah yang dihadapi oleh

global sekarang.

Katanya, ancaman yang ada pada persekitaran marin adalah penangkapan ikan yang berlebihan terutamanya dari spesis yang akan pupus, sebagai contoh, restoran makanan laut sekarang memilih ikan dari corak warna biru atau ikan eksotik.

"Mereka tidak sedar bahawa ikan seperti itu akan pupus dan tahap kesedaran mengenainya masih rendah. Program ini sebenarnya memfokuskan kesedaran di samping mendidik mereka bahawa perbuatan kita sebenarnya yang menyebabkan ancaman seperti ini."

"Sebelum ini, kami pernah bekerjasama dengan organisasi-organisasi membuat program ini di sekolah-sekolah menengah, sekolah luar bandar serta universiti, dan kami fokuskan terutamanya kepada pelajar di sekolah," katanya.

Sofia berkata, pelajar yang mengambil bahagian dalam seminar ini terutamanya dari luar bandar hampir semuanya dapat mempelajari benda baru mengenai kegiatan penangkapan ikan yang menggunakan bom ikan dan 'sodium sionite'.

"Saya juga berharap pelajar yang datang hari ini akan memberitahu rakan-rakan mereka agar lebih berhati-hati apabila bermain di kawasan terumbu karang agar tidak mencemarkan dan merosakkan kawasan itu," katanya.

Kesimpulannya, kesedaran menyeluruh mengenai kempen mampu untuk menurunkan kadar pemanasan global di samping meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kawasan pemuliharaan marin serta menjaga kebersihan agar kehidupan kita serta anak kita selesa dan sejahtera.



SEKRETARIAT...Penuntut IPBM yang menjayakan program ini.



BERSAMA-SAMA...Penuntut UMS menjadi mentor kepada pelajar untuk jayakan program ini.